

PENERANGAN UMUM

MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) ingin mengumumkan penyambungan semula saluran Awesome Broadcasting Sdn Bhd, juga dikenali sebagai Awesome TV, di platform penyiaran MYTV.

MYTV ingin menyatakan bahawa keputusan penyambungan semula saluran Awesome TV dibuat berikutan penyelesaian beberapa isu komersil oleh kedua belah pihak. Awesome TV telah kembali bersiaran di saluran 112 MYTV pada jam 6.05 petang, 29 Mei 2024.

Kami ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Kepentingan penonton sentiasa menjadi keutamaan kami di MYTV dan kami komited di dalam memastikan akses kepada saluran dan kandungan berkualiti tinggi kepada para penonton.

-SEKIAN-

MYTV Broadcasting Sdn Bhd (897549-X).

